

30 JUL 2002

Abdullah-Pengampunan

BELUM ADA KEPUTUSAN LANJUTKAN TEMPOH PENGAMPUNAN

KUALA LUMPUR, 30 Julai (Bernama) -- Kerajaan belum membuat keputusan sama ada akan melanjutkan tempoh pengampunan kepada pendatang tanpa izin untuk meninggalkan negara ini yang akan tamat esok, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Saya tak hendak berkata apa-apa mengenai pengampunan ini atau tentang tarikhnya selagi saya tidak mendapat maklumat balas," kata Timbalan Perdana Menteri kepada pemberita ketika ditanya sama ada kerajaan akan melanjutkan tarikh akhir itu ekoran rayuan oleh beberapa majikan.

Beliau ditemui selepas merasmikan Seminar Kesedaran dan Keusahawanan Bioteknologi di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Abdullah berkata beliau telahpun mengarahkan Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Aseh Che Mat, untuk bertemu dan berbincang dengan majikan-majikan yang menghadapi masalah.

Beliau berkata kerajaan memahami masalah yang dihadapi majikan terbabit tetapi apa yang penting sekarang ialah pendatang tanpa izin mestilah diberhentikan daripada kerja dan dihantar pulang.

Semalam, Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Datuk Mohamed Jamal Kamdi, berkata tempoh pengampunan itu tidak akan dilanjutkan, dan mereka yang memegang tiket bertarikh selepas 31 Julai, perlu mendaftar dan mendapatkan pas khas untuk tinggal di sini buat sementara.

Kerajaan menawarkan tempoh pengampunan itu pada Mac tahun ini untuk membolehkan pendatang tanpa izin meninggalkan Malaysia sebelum Akta Imigresen 1959 yang telah dipinda, dikuatkuasakan.

Mengikut pindaan itu, pendatang tanpa izin boleh disebat dan didenda sehingga RM10,000 atau dipenjarakan tidak melebihi lima tahun.

Abdullah berkata majikan yang menggaji pekerja asing sering menyatakan bahawa mereka sukar mendapat pekerja tempatan walaupun telah mengiklankan peluang pekerjaan berkenaan serta merungut bahawa pekerja tempatan cerewet dan tidak mahu menerima upah yang rendah, menyebabkan mereka terpaksa mengambil pekerja asing.

Ada juga majikan yang memberi alasan sekiranya tidak mendapat pekerja asing, mereka terpaksa menutup kilang, dan akibatnya pekerja tempatan di kilang yang sama turut kehilangan kerja.

"Ini adalah alasan yang selalu diberikan oleh majikan tetapi yang saya tegaskan ialah jangan jadikan alasan ini satu jalan keluar yang senang. Kita tidak mahu rakyat tempatan tidak ada pekerjaan dan pekerja asing yang datang diberi pekerjaan," katanya.

Kerajaan juga, katanya, akan memastikan langkah sewajarnya diambil bagi mengelakkan masalah lain timbul kerana kemungkinan ada industri yang terjejas dan tidak dapat beroperasi berikutan penghantaran pulang pekerja asing.

Abdullah turut ditanya mengenai ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa orang Melayu kini menghadapi dua dilema baru, iaitu melibatkan isu hak keistimewaan yang akan melemahkan ekonomi mereka, dan pemilihan parti popular sebagai kerajaan yang akan menyebabkan pemerintahan negara diberikan kepada orang yang tidak layak.

Katanya beliau berkongsi pendapat dengan Dr Mahathir dan apa yang diperkatakan memang ada kebenarannya.

Abdullah berkata sistem demokrasi yang dilaksanakan boleh membawa kebaikan dan keburukan, bergantung kepada bagaimana ia diamalkan.

"Kalau amalan demokrasi memberi segala kebebasan tanpa ada had, dan

undang-undang tidak lagi dihormati, ia tidak membawa kebaikan kepada kerajaan manakala demokrasi yang berlebihan pula boleh membawa masalah dalam politik negara," katanya.

Abdullah berkata jika terlalu banyak parti politik dibenarkan wujud, ia akan menyebabkan tidak ada parti yang boleh menang dengan kekuatan untuk menubuhkan kerajaan sebaliknya terpaksa menubuhkan kerajaan campuran dan berkompromi dengan parti yang mempunyai kerusi yang sedikit.

"Kerajaan yang ditubuhkan sentiasa tergugat kerana parti yang kecil boleh keluar dari pakatan...merudumlah kerajaan itu. Jadi bagi negara ini, rakyatlah yang akan menentukan (kerajaan) menerusi pilihan raya yang diadakan," katanya.

Abdullah berkata kerajaan mengharapkan kepada kebijaksanaan rakyat untuk menentukan sebaik-baik kerajaan dibentuk supaya Malaysia akan terus maju, selamat dan aman.

-- BERNAMA

HS MFJ MAI